



KENYATAAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

PENAFIAN JABATAN ALAM SEKITAR BERHUBUNG SURAT PELANTIKAN PEMBEKAL

Jabatan Alam Sekitar (JAS) mengambil maklum berhubung pelbagai isu yang tular di media sosial dan laporan media mengenai penyalahgunaan nama Jabatan serta nama dan maklumat pegawai Jabatan bagi tujuan tempahan dan urusan perolehan, termasuk kes yang dilaporkan berlaku di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Sehubungan itu, Jabatan menafikan sekeras-kerasnya sebarang keterlibatan Jabatan dan pegawai-pegawai JAS dalam urusan tempahan, pembelian, pelantikan vendor atau apa-apa transaksi perolehan yang dibuat oleh mana-mana pihak dengan menggunakan nama, jawatan atau identiti pegawai Jabatan.

Jabatan menegaskan bahawa sebarang surat atau dokumen yang menggunakan nama, jawatan atau maklumat pegawai Jabatan bagi tujuan urusan rasmi, tetapi tidak dikeluarkan melalui saluran dan prosedur rasmi yang ditetapkan, adalah tidak sah dan tidak diiktiraf sebagai dokumen rasmi JAS. JAS tidak membenarkan sebarang penggunaan nama, jawatan atau maklumat pegawai Jabatan tanpa kebenaran bagi tujuan tersebut kerana ia boleh mengelirukan orang awam dan pihak berkepentingan serta menjejaskan kredibiliti dan integriti Jabatan.

JAS memandang serius perkara ini dan laporan polis telah dibuat bagi membolehkan siasatan lanjut dijalankan oleh pihak berkuasa. Jabatan akan memberikan kerjasama sepenuhnya bagi membantu siasatan dan memastikan perkara ini ditangani mengikut undang-undang yang berkuat kuasa.

JAS ingin menegaskan bahawa segala urusan rasmi Jabatan, termasuk urusan perolehan dan pelantikan vendor, hendaklah dilaksanakan mengikut tatacara, prosedur dan saluran rasmi yang ditetapkan. Sebarang pihak yang mempunyai keraguan mengenai kesahihan sesuatu surat atau dokumen yang menggunakan nama JAS adalah dinasihatkan untuk mendapatkan pengesahan terus daripada Jabatan Alam Sekitar melalui saluran rasmi.

JABATAN ALAM SEKITAR
13 SEPTEMBER 2026



Unit Komunikasi Korporat | Jabatan Alam Sekitar (JAS)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 47